

# Bakar DTC: Polis soal siasat 10 termasuk pensyarah

Oleh TEON EG  
dan AZIAN ABD. AZIZ

UM 3 JUL 2001  
KUALA LUMPUR 2 Jumaat — Polis telah menyoal siasat lebih 10 orang termasuk pensyarah, pihak keselamatan, kakitangan dan pelajar berhubung kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya di sini Jumaat lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Ramli Yusof berkata, mereka dipanggil untuk diambil kenyataan bagi membantu siasatan sejak hari kejadian itu lagi.

Bagaimanapun menurut beliau, tidak ada sebarang tangkapan dibuat setakat ini.

Kebakaran yang bermula pada awal pagi Jumaat lalu memusnahkan 90 peratus Dewan tersebut yang merupakan mercu tanda universiti itu.

## Perhimpunan

Kebakaran itu berlaku ketika persiapan sedang dibuat untuk satu perhimpunan besar-besaran 3,000 mahasiswa bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Ahad lalu.

Ramli yang mengetuai pasukan yang dibutuhkan khas untuk menyiasat punca kebakaran DTC itu berkata, pihaknya masih meneruskan siasatan dan kini ia di peringkat pertengahan.

➤ **Lihat muka 4**

# Bakar DTC: Polis soal siasat 10 termasuk pensyarah

“Kita sudah siasat banyak dan mungkin akan selesai tidak lama lagi.

“Bagaimanapun keputusan muktamad untuk menentukan punca sebenar kebakaran itu hanya akan diketahui setelah kita menerima keputusan penuh daripada semua pakar yang terlibat iaitu pakar kimia, bomba dan dari Tenaga Nasional Berhad.

“Selepas itu barulah ia boleh diumumkan,” tambahnya.

Ramli berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Program Diploma Sains Siasatan antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Universiti Malaya di Maktab Pegawai Kanan PDRM, Cheras, di sini hari ini.

Program itu dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, yang turut menandatangani MoU dengan Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr. Anuar Zaini Md. Zain.

Sementara itu Norian ketika ditanya mengenai kemungkinan kejadian itu berpunca darinya membuat khianat berkata:

“Segala-galanya berkemungkinan. Bagaimanapun punca sebenar perkara itu hanya akan diketahui selepas laporan penuh siasatan disiapkan.”

Berhubung siasatan kes seorang tekong bot nelayan tempatan yang ditembak mati oleh Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL) pada 26 Jun lalu, beliau berkata, pihaknya sedang menunggu laporan siasatan daripada pihak Indonesia dan Malaysia.

Menurut beliau, laporan kedua-dua pihak itu akan menentukan kedudukan sebenar bot nelayan yang terlibat semasa kejadian berlaku.

“Ini berikutan berlakunya percanggahan mengenai lokasi bot nelayan tersebut semasa kejadian berlaku,” jelas beliau.